

## Pulai Springs hidang yee sang

JOHOR BAHRU 20 Jan. - Pulai Springs Resort tidak ketinggalan meraikan pengunjung mereka dengan menyediakan makanan tradisi, yee sang dalam setiap set hidangan yang disediakan sempena Tahun Baru Cina ini.

Pengurus Besarnya, Tengku Ahmad Faizal Tengku Mohamed berkata, melalui Restoran Qing Palace Chinese, pihaknya menawarkan empat set hidangan istimewa kepada pelanggan, termasuk yee sang menjadi makanan pembuka selera.

“Istimewanya, kami turut memberi pilihan kepada pelanggan sama ada mahu menambah ikan salmon atau abalon ke dalam resipi yee sang,” katanya di sini baru-baru ini.